

Keselamatan di Balai Undang Tujuan halang percubaan 17/9/87 'perlantikan'

Oleh BUSTAMAM AHMAD

SEREMBAN, Rabu — Keputusan pihak berkuasa memperketatkan lagi kawalan keselamatan di Balai Undang Luak Sungai Ujong di Jalan Tasik di sini dipercayai bertujuan menghalang percubaan sekumpulan anak-anak Waris di Darat untuk 'mengisytiharkan' wakilnya sebagai Datuk Kelana (Undang) ke-10 esok.

Kumpulan anak Waris itu dikatakan bercadang 'mengisytiharkan' Encik Samsir Haji Sulaiman sebagai penyandang pesaka Datuk Kelana ke-10 di balai itu pagi esok.

Sumber tertinggi adat berkata hari ini kumpulan anak Waris terbabit kini membuat persiapan terakhir dan mereka dipercayai menyewa beberapa buah bas untuk tujuan itu.

"Sebilangan besar daripada mereka diperca-

yai akan pergi ke Balai Undang Luak Sungai Ujong dengan menaiki bas dari kediaman mereka di beberapa kampung sekitar kawasan Pantai dekat sini.

"Bagaimanapun, perkara ini sampai kepada pengetahuan pihak berkuasa dan mereka sudah mengambil langkah keselamatan yang sewajarnya bagi mengelakkan daripada berlakunya sebarang kejadian yang tidak dilingini pagi esok," ujar sumber itu kepada *Berita Harian* di sini hari ini.

Menaja istiadat

Bagaimanapun, sumber itu tidak menjelaskan pihak mana yang menaja istiadat pagi esok sekadar berkata sekurang-kurangnya dua Ketua Adat, seorang mewakili Waris di Darat dan seorang lagi mewakili Waris di Air di-

katakan terbabit.

Difahamkan 'istiadat' itu dijangka bermula pada kira-kira jam 10 pagi dan dua Ketua Adat berkenaan sudah mengadakan perbincangan 'pusing-an akhir' dengan Encik Samsir petang semalam.

Encik Samsir, seorang anak Waris Perut Ulu daripada Rumpun Dusun 'dilandantik' sebagai penyandang pesaka Datuk Kelana ke-10 dalam satu istiadat di Lenggeng 2 Julai lalu.

Beliau dan beberapa orang pengikutnya telah 'menawan' Balai Undang di sini pada 15 Ogos lalu tetapi meninggalkannya tiga hari kemudian setelah darah berbuat demikian oleh pihak berkuasa Kerajaan Negeri Sembilan.